

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 23 OGOS 2002
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN KE 14
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN WISMA PUTRA

Yang dihormati Saudara/i Pengerusi Majlis,

YBhg. Dato' Ahmad Fuzi Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri selaku Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan Wisma Putra,

Datuk-Datuk, ahli-ahli Kelab serta saudara-saudari yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kelab Sukan Dan Kebajikan Wisma Putra kerana sekali lagi sudi menjemput saya bagi merasmikan Mesyuarat Agong Tahunan yang mana kali ini ialah kali ke 14 dalam sejarah penubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan Wisma Putra. Mesyuarat Agong ini juga merupakan kali yang pertama diadakan di bangunan baru sejak kita berpindah ke Putrajaya pada bulan September tahun lalu. Bagi diri saya perasmian ini merupakan kali ke 3 saya diberi tugas untuk merasmikan Mesyuarat Agong Kelab Sukan dan Kebajikan Wisma Putra.

2. Saya mengucapkan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan kerana disebalik kesibokan tugas harian masing-masing telah dapat mengadakan mesyuarat ini. Saya berharap mesyuarat agong kali ini dapat dijadikan asas baru bagi aktiviti-aktiviti kelab bagi tahun 2002/2003 demi manfaat semua ahli kelab dan warga Wisma Putra.

3. Saya merasa gembira melihat Kelab ini telah digerakkan dengan baik ke arah menyuburkan hubungan silaturrahim sesama warga Wisma Putra demi mengujudkan satu suasana yang segar antara kita dan mencapai tahap kecemerlangan dalam tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Kepada YBhg. Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, semua ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli kelab, saya ucapkan tahniah atas usaha-usaha tersebut. Saya juga mengharapkan AJK baru yang akan dilantik bukan saja dapat meneruskan usaha-usaha baik ini bahkan dapat mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti Kelab.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Kita telah berpindah ke bangunan baru lebih kurang setahun yang lalu. Kita telah disediakan dengan pelbagai kemudahan-kemudahan yang jabatan-jabatan kerajaan yang lain hanya dapat 'envy' kita. Kemudahan tersebut termasuklah kolam renang, gimnasium, bilik karaoke, gelanggang tennis, skuasy, badminton, dewan serbaguna dan auditorium. Dengan kemudahan-kemudahan yang tersedia itu kita bolehlah menjalankan pelbagai aktiviti- dengan lebih baik dan lebih kerap.

5. Sukalah saya menyeru disini agar kemudahan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kakitangan. Kemudahan ini membolehkan kita untuk berinteraksi dalam suasana yang santai di samping mempertingkatkan kecergasan fizikal kita. Saya harap ia akan membantu kearah mewujudkan persefahaman antara kita dan juga persekitaran kerja yang lebih baik .

6. Saya tidak nafikan tugas-tugas kita di Wisma Putra semakin lama semakin bertambah sejajar dengan peranan aktif kita dalam arena politik antarabangsa. Banyak persidangan antarabangsa telah dan akan dianjurkan oleh kita. Pada tahun 2003 dua persidangan besar akan kita anjurkan iaitu Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada bulan Februari dan Sidang Kemuncak Negara-Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada bulan Oktober. Meskipun begitu, bukan bermakna kelab sukan kita tidak berpeluang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti yang telah dijalankan sebelum ini. Apa yang perlu ialah pengurusan masa yang lebih baik dan efisien. Saya percaya jika amalan ini dipraktikkan, ia bukan sahaja memberi kelebihan kepada kita sebagai individu tetapi juga kepada pertubuhan yang kita anggotai seperti Kementerian ini khasnya dan Negara amnya. Ini secara tak langsung meningkatkan lagi produktiviti kita yang sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan.

7. Saya benar-benar berharap agar Kelab Sukan Dan Kebajikan akan terus berjaya pada masa-masa akan datang. AJK-AJK baru yang akan dilantik diharap dapat menyediakan program dan aktiviti yang lebih kreatif. Ahli-ahli Kelab pula terutama pegawai dan kakitangan yang baru menjadi warga Wisma Putra serta pegawai kanan yang lain perlu memberi sokongan yang berterusan. Selaku Penaung Kelab, saya akan sentiasa memberi sokongan kepada saudara-saudari semua demi untuk kejayaan Kelab.

7. Dengan harapan dan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan Wisma Putra kali ke 14.

Terima kasih.

Assalamualaikum w.r.b